

BAB IV

TRADISI DAN INOVASI: IMPAK LU XUN TERHADAP KONFUSIANISME

Kita telah menggambarkan latar belakang pendidikan dan keadaan pribadi Lu Xun pada tempoh awalnya. Daripada gambaran tersebut, kita sudah dapat memahami mode pemikirannya, iaitu beliau merupakan seorang nasionalis yang mengambil perhatian tentang pembaharuan rohani dan pemikiran orang Cina, yakni beliau menganggap kedua-dua aspek ini ialah punca pembinaan sifat bangsa Cina. Jika berbanding dengan keadaan di mana arus revolusi dan perubahan politik yang bersifat anti-Dinasti Qing sedang berpopuler itu, idea beliau yang berhala kepada pembaharuan sifat bangsa Cina dengan melalui pergerakan sastera merupakan satu pandangan yang lebih mendalam. Pemikiran Lu Xun menyebabkan beliau mempercayai fungsi seorang sasterawan dalam kerja memperbaharui fikiran bangsa. Ini jelas sudah bersehal dengan idea “revolusi pemikiran” yang diutarakan oleh Gerakan 4-Mei yang berlaku selepas lebih 10 tahun kemudian. Kepercayaan terhadap “fungsi pemikiran” sebegini sebenarnya merupakan mode pemikiran intelektual tradisional dan moden Cina yang amat tipikal. Fenomena ini jelas menunjukkan hala “intelektualistik budaya” (cultural- intellectualistic) seperti yang dikatakan oleh Lin Yu-sheng.¹ Ini merupakan salah satu aspek paradoksal Lu

¹ Lin Yu-sheng: *The Crisis of Chinese Consciousness: Radical Antitraditionalism in the May Fourth Era*.

Xun. Walau bagaimanapun, doktrin ini tidak semestinya menyebabkan Lu Xun berpegang kepada pendapat anti-Konfusianisme yang menyeluruh dan radikal. Dengan kata lain, ia bukanlah sebab langsung dan tunggal bagi kebangkitan antitradisi Lu Xun. Oleh yang demikian, kita perlu bertanya seterusnya: Apakah pemangkin dan stimulus zaman yang menyumbang secara langsung kepada penglibatan Lu Xun dalam gerakan antitradisi yang radikal pada era 4-Mei? Apakah fungsi dan peranan pula yang dimainkan oleh Lu Xun dalam gerakan tersebut?

Untuk menjawab soalan ini, kita harus meneliti dengan selanjutnya dari tempoh yang dikatakan sebagai masa pengasingan Lu Xun selepas kepulangannya dari Jepun.

4.1 Kebangkitan Lu Xun Selepas Mengasingkan Diri selama 10 tahun

Seperti yang telah dikatakan di bab yang lepas, aspirasi Lu Xun untuk menyedarkan rakyat negeri China dengan melalui seni sastera akhirnya menemui kegagalan. Kegagalan ini juga menamatkan tempoh pelajarannya serta pertembungannya dengan budaya Barat di Jepun. Ini kerana pada bulan Ogos tahun yang sama (1909), beliau dengan hati yang penuh kesunyian dan kepiluan telah balik ke tanahairnya. Selepas kembalinya ke negeri China, beliau berada dalam keadaan dukacita, hampa dan hatinya dikuasai oleh kuasa gelap. Tempoh masa ini dikenali sebagai “a momentous decade (1909-1919)” oleh sesetengah sarjana.²

Pada ketika itu, Lu Xun seolah-olah telah meninggalkan cita-cita sasteranya dan kembali semula kepada kerja sainsnya. Dalam masa 2 tahun, beliau pernah menjadi guru

² Ruth F. Weiss: *Lu Hsun -- A Chinese Writer for All Times* (Beijing: New World Press, 1985), hlm. 37-55.

biologi, kimia dan lain-lain lagi di Institut Perguruan Hangzhou (Hangzhou Shifan Xuetang 杭州师范学堂) dan Sekolah Menengah Shaoxing (Shaoxing Zhongxue 绍兴中学). Ini merupakan reaksinya terhadap kegagalan aktiviti sastera pertamanya. Pada tahun 1911, dengan tiba-tibanya tercetus Revolusi 1911, kerajaan Dinasti Qing diguling dan tertumpas kemudian. Perubahan ini telah membawa harapan dan kegembiraan yang amat besar kepada Lu Xun. Malahan beliau juga menerima tawaran perlantikan sebagai gurubesar Sekolah Menengah Shaoxing daripada kerajaan tempatan baru Shaoxing. Tetapi hanya dalam masa yang singkat sahaja, beliau telah mendapati kepalsuan revolusi itu kerana jelasnya tiada sebarang perubahan sebenar selepas itu. Beliau juga bertengkar dengan pemimpin kerajaan tempatan baru, akhirnya beliau menerima jemputan Cai Yuanpei (蔡元培 1868-1940) dan bertolak ke Beijing untuk menjawat di kementerian pendidikan.

Selepas tiba di Beijing, beliau lebih mengetahui keadaan politik aliran perdana China yang sebenar. Secara ringkas, terdapat jurang besar antara keadaan realiti pada awal zaman Republik dengan cita-cita kekuatan negara dan pembinaan Republik para intelektual moden. Seperti yang dihuraikan dalam bab kedua, aturan sosio-politik dan budaya-moral Cina adalah bercantum di bawah “kuasa maharaja universal.” Susulan dengan pertumbangan Dinasti Qing, tiba-tiba timbul kekosongan autoriti politik akibat pertumbangan aturan sosio-politik. Pada masa yang sama, perpecahan kepada aturan budaya-moral yang berasaskan Konfusianisme juga turut berlaku, ini telah mendatangkan kekecohan dalam arena pemikiran. Dalam arena politik, kuasa pemerintahan telah diambilalih oleh seorang hulubalang yang bernama Yuan Shikai (袁世凯 1859-1916),

dan cita-cita membina sebuah negara Republik yang ideal telah menjadi mimpi sahaja. Yuan dan hulubalang-hulubalang yang lain bukan sahaja tidak memahami “demokrasi,” malahan menginjak demokrasi. Beliau berjaya menumpaskan percubaan “Revolusi Kedua” yang bertujuan untuk menggulingkannya.³ Dalam aspek pemikiran pula, kebanyakan rakyat biasa negeri China masih berpegang kepada norma dan nilai Konfusianisme, seolah-olah revolusi tidak pernah berlaku. Yuan juga menaja dan cuba mempopularkan Konfusianisme kerana ingin memperalatkannya untuk bertakhta sebagai maharaja. Keadaan ini menyebabkan Konfusianisme kelihatan seolah-olah akan berkuasa semula. Pada tahun 1914, kerajaan telah memulih semula undang-undang penghormatan Konfusianisme secara menyeluruh. Seterusnya pada awal tahun 1915, Yuan telah mengadakan satu upacara menyembah Konfusius untuk mengesahkan (legitimaze) dirinya sebagai pengganti Maharaja. Dalam sejarah negeri China, aktiviti sembahyang sedemikian merupakan satu upacara yang wajar diambil oleh maharaja selepas Dinasti Han. Walaupun percubaan Yuan untuk bertakhta akhirnya gagal tetapi aktiviti menghormati Konfusian dan membaca klasik Konfusianisme masih giat dijalankan seperti hendak membawa negeri China kembali ke zaman Dinasti Qing. Hanya setahun sahaja selepas kegagalan Yuan untuk bertakhta sebagai maharaja, sudah berlaku pula peristiwa Pemulihan Dinasti Qing selama 12 hari yang dianjurkan oleh Zhang Xun (张勋 1854-1923). Kesemua peristiwa ini berhubungan dengan Konfusianisme, ini telah menguatkan anggapan para intelektual bahawa Konfusianisme adalah bersatu dengan sistem monarki. Lu Xun juga pernah berkata, “kebudayaan Cina ialah budaya pemerintah

³ “Revolusi Kedua” merupakan satu gerakan politik yang bertujuan untuk menentang pemerintahan Yuan Shikai yang telah dianggap menyeleweng daripada sistem demokrasi. Gerakan politik ini berlaku pada tahun 1913 di bawah pimpinan Sun Yat-sen.

yang menyembah seseorang yang berjaya dengan membawa beribu-ribuan maut.”⁴ Walau bagaimanapun, berdepan dengan keadaan ketidakteraturan dan kegelapan serupa ini, seluruh arena intelektual telah hilang suara kerana dilanda kehampaan, terutamanya intelektual generasi baru. Bagi mereka, seluruh bangsa dan negara kini hanya boleh dikatakan berada dalam jalan buntu sahaja. Selain daripada “hampa,” tiada apa yang boleh dikatakan oleh mereka lagi.

Sebagaimana yang dikatakan oleh Li Zehou, “semangat revolusioner generasi terdahulu sudah merosot. Kecuali mereka yang masih mengelilingi di tepi Sun Yat-sen masih menjalankan sedikit perjuangan politik dan miteriti yang tidak berdaya serta tidak berkesan, kebanyakan mereka sudah tidak bersemangat lagi,” “malahan Lu Xun sendiri juga berdiam hampir 10 tahun, dan membaca kitab Buddha, menyalin prasasti serta menyalin *Ji Kang Ji* untuk menghabiskan masa.”⁵ Jelasnya, keadaan yang buruk sebegini telah menyedarkan Lu Xun bahawa kegembiraan dan harapannya terhadap Revolusi 1911 adalah tidak tepat sama sekali. Beliau pernah menulis kemudian,

(Saya) pernah mengalami Revolusi 1911, Revolusi kedua, peristiwa ketakhtaan Yuan Shikai dan pengembalian Dinasti Qing yang dilakukan oleh Zhang Xun. (Saya) melihat keadaan ini dengan teliti, semakin berasa curiga dan sangat hampa serta layu.”⁶

⁴ LXQJ, Jilid 7, hlm.312.

⁵ Li Zehou: *Zhongguo Xiandai Sixiangshi Lun* (中国现代思想史论 Perbincangan Sejarah Pemikiran Kontemporari China) (Beijing: Dongfang Chubanshe, 1987), hlm. 9.

⁶ LXQJ, Jilid 4, hlm.455.

Tetapi apa yang membezakannya dengan orang lain ialah jiwa Lu Xun sudah tersembunyi perasaan pesimistik yang serius pada asalnya. Pertimbunan pengalaman gelap dahulunya telah ditambah tebal lagi selepas ditimpa kehampaan terhadap keadaan semasa dan politik China. Dalam aspek individu pula, cita-cita beliau dalam kerja sastera untuk membangkitkan semangat bangsa Cina juga gagal sepenuhnya. Oleh yang demikian, Lu Xun mengasingkan diri daripada hal-hal semasa, tetapi berbeza dengan pertapa (*yinshi* 隱士) tradisional, kerana beliau bukanlah tidak mengambil perhatian langsung tentang krisis serius tanahairnya. Reaksi beliau sebegini ialah akibat daripada usahanya tidak mendatangkan sebarang kesan. Tekanan jiwa yang begitu serius ini semestinya akan cuba dilengahkan supaya imbalan dalaman dicapai melalui sesuatu penggantian.

Bermula pada tahun 1912, kehidupan harian Lu Xun telah mengalami perubahan yang besar. Walaupun beliau masih menjawat di Kementerian Pendidikan sebagai nazir sekolah, tetapi itu hanya satu jawatan yang tidak penting. Setiap hari, selain daripada pergi ke pejabat, beliau hanya bersembunyi di Dewan Shaoxing dan jarang keluar. Beliau menaruhkan tenaga dan masanya dalam kerja-kerja menyalin prasasti, mengumpul batu-batu, membaca pruf koleksi sastera klasik yang salah, mencari novel dan sastera popular yang hilang serta menyelidik sejarah kampung halamannya. Jelasnya, aktiviti-aktiviti penyelidikan yang kaku ini dijadikan sebagai alat penggantian Lu Xun untuk mengisi kekosongan jiwanya. Cara melengahkan hati ini ialah berkerja dengan tidak berhenti-henti agar dapat mengebaskan urat saraf politiknya yang tidak tenang itu. Beliau tidak lagi bersemangat seperti masa belajarnya di Jepun. Dalam tempoh masa ini, beliau tidak menghasilkan sebarang karya dan langsung tidak bersuara tentang hal-hal semasa. Sebenarnya, cara kehidupan sedemikian bertentangan dengan kehidupan baru yang

agresif dan konsep antitradisi yang dianjurkan oleh Gerakan 4-Mei. Malahan kerja-kerja akademik yang dijalankan olehnya sangat menyerupai aktiviti filologi yang dijalankan oleh sarjan-sarjana Konfusianisme daripada aliran Studi Han pada kurun ke-18. Aliran ini amat mementingkan cara penyelidikan yang halus, dan membantah sarjana Neo-Konfusian Song yang menekankan teori-teori kosong dan moral yang tidak pratikal. Kandungan utamanya ialah kerja-kerja anotasi dan membaca pruf terhadap buku-buku klasik seperti penyelidikan linguistik, nama pustaka dan buku-buku. Kegemaran Lu Xun ini berkemungkinan dipengaruhi oleh Zhang Taiyan kerana Lu Xun pernah mempelajari pengajian linguistik kuno daripadanya di Jepun.⁷ Akan tetapi, bagaimana kita dapat menerangkan perkara ini yang dipandang sebagai bersifat mundur dari kaca mata anti-Konfusianisme. Selain terbuktinya perhubungan Lu Xun dengan pengajian klasik adalah dalam, adakah juga terdapat maksud yang terpendam? Yang terpenting sekali ialah, bagaimanakah perhubungan antara aktiviti dan kehidupan sedemikian dengan sikap anti-Konfusianisme yang radikal itu ?

Jika kita mengimbas kembali kehidupan Lu Xun sebelum ini, didapati bahawa kehidupannya semasa belajar di Institute Perubatan Sendai juga begitu sepi dan keseorangan. Menurut cerita Lu Xun sendiri, beliau bertujuan untuk mengasingkan diri daripada pelajar-pelajar Cina yang lain yang mengecewakannya. Walaupun kehidupan bersembunyi di Beijing kali ini adalah lebih kompleks sebabnya, tetapi perulangan ini

⁷ Perhubungan antara Lu Xun dan Zhang Taiyan pernah dibincang dalam seksyen ke-4, bab ke-3. Manakala penghuraian selanjut tentang perhubungan Lu Xun dan "studi Han," sila rujuk Chen Guoping (陈国平): "Zuowei Wenxueshijia De Lu Xun" (作为文学史家的鲁迅 Lu Xun sebagai Sarjana Sejarah Sastra) dalam Chen Guoqi (陈国球), Wang Hongzhi (王宏志) dan Chen Qingqiao (陈清侨) (ed.): *Shuxie Wenxue De Guoqu--Wenxueshi De Sikao* (书写文学的过去--文学史的思考 Menulis tentang Kisah Masa Silam Sastra--Renungan Sejarah Sastra (Taipei: Maitian Chuban Shiye Youxian Gongsi, 1997), hlm.89-98 ; T'sun-ren Liu: "Lu Xun and Classical Studies" dalam *Far Eastern History*, no. 26, Nov. 1982 dan Wu Jun: *Lu Xun Pingzhuan*.

tidak semestinya berlaku. Oleh yang demikian, ini kemungkinan besar bersangkutan dengan sifat keperibadiannya. Nampaknya, kehidupan sebelum dewasa Lu Xun yang penuh dengan tekanan dan pesimis itu telah membentuk keperibadiannya yang bersifat memencil dan eksentrik. Tambahan pula, kepekaan dan pemerhatiannya yang tajam terhadap kehidupan duniawi juga merupakan salah satu sebab yang mendesaknya menjarakkan diri daripada orang lain.⁸

Memandangkan hal ini, Lin Yu-sheng pernah berpendapat bahawa kehidupan bersembunyi dan aktiviti pengajian Lu Xun seperti sarjana Konfusianisme Dinasti Qing ini telah membekalkan satu “tempoh penghentian sementara” (moratorium) dari segi psikologi yang diperlukan untuk kejayaan penciptaan Lu Xun pada masa akan datang.⁹ Ini kerana ia membolehkan Lu Xun mengelakkan diri daripada pengaruh keadaan sekeliling yang boleh mengganggunya, dan dapat mengekalkan sesuatu jarak dalam aspek mentalnya. Walaupun pendapat Lin ini menuju kepada perhubungan tentang aspek penciptaan Lu Xun, tetapi pemikiran anti-Konfusianisme Lu Xun kebetulan dibentangkan melalui ciptaan karya-karyanya. Sebenarnya Wang Youqin dalam bukunya yang bertajuk *Lu Xun Yu Zhongguo Xiandai Wenhua Zhendong* juga berpegang kepada pandangan yang hampir sama.¹⁰ Menurutnya, Lu Xun dapat memahami sejarah dan kehidupan realiti dengan lebih dalam dan tajam lagi dengan jarak ini. “Jelasnya, pandangan beliau

⁸ Wang Youqin(王友琴): *Lu Xun Yu Zhongguo Xiandai Wenhua Zhendong* (鲁迅与中国现代文化震动 Lu Xun dan Kegoncangan Kebudayaan Moden China)(Hunan: Jiaoyu Chubanshe, 1989), hlm.11.

⁹ Lin Yu-sheng: *The Crisis of Chinese Consciousness: Radical Antitraditionalism in the May Fourth Era*, hlm115.

¹⁰ Wang Youqin: *Lu Xun Yu Zhongguo Xiandai Wenhua Zhendong*, hlm.12.

tertumpu di atas aspek yang selalunya diabaikan atau dikaburkan oleh orang lain,” menurut Wang. Lantaran ini, kehidupan aktiviti akademik tradisional tidak semestinya merupakan satu songsangan kepada Gerakan 4-Mei. Akan tetapi, kita masih perlu bertanya satu soalan lagi, iaitu apakah perubahan pada pemikiran dan nilai Lu Xun pada tempoh masa itu? Lu Xun pernah menceritakan keadaan kehidupannya bahawa:

Terdapat tiga buah rumah di dalam Dewan S (Dewan Shaoxing). Kononnya terdapat seorang perempuan mati bergantung diri di atas pokok Belalang di dalam pekarangan pada masa dahulu. Kini pokok Belalang itu telah tumbuh tinggi, dan rumah ini masih tiada orang tinggal. Begitu lama saya mendiami dan menyalin prasasti batu di sini. Jarang ada pelawat datang ke sini, dalam prasasti kuno juga tidak menemui apa-apa masalah dan ideologi, tetapi jiwa saya semakin berhapusan dengan tidak disedari, ini merupakan satu-satunya hasrat saya juga. Pada musim luruh, nyamuk menjadi banyak, saya pun mengipas dan duduk di bawah pokok Belalang. Dari ruangan daunnya, saya melihat sedikit langit hijau dan ulat pokok belalang yang keluar pada malam pula selalu terjatuh di atas kepala saya dengan sejuknya.¹¹

Daripada petikan ini, nampaknya Lu Xun cuba menghabiskan masa keemasannya dengan sia-sia sahaja. Beliau hanya berumur 30 tahun lebih pada masa itu. Kebetulanannya, aliran Konfusian berpendapat bahawa seseorang harus “berkerjaya semasa umur menjangkau 30 tahun” (*sanshi er li* 三十而立).

Isteri kedua Lu Xun, Xu Guangping pernah membuat satu analisis statistik tentang diari Lu Xun semasa beliau tinggal di dalam Dewan Shaoxing.¹² Analisis ini telah membekalkan satu pemahaman yang berguna kepada kita tentang keadaan Lu Xun pada masa itu. Menurut angka statistik, di antara tahun 1912 dan 1913, Lu Xun bukan sahaja

¹¹ LXQJ, Jilid 1, hlm. 418.

¹² Xu Guangping: *Lu Xun Huiyi Lu* (鲁迅回忆录 Memoir Lu Xun) (Beijing: Zuoqia Chubanshe, 1961), hlm.39.

berasa bosan, malahan badannya selalu dilanda penyakit. Pada tahun 1913, terdapat catatan kesakitan dalam diarinya pada bulan pertama, kedua, ketiga, kelima, kelapan, kesepuluh, kesebelas dan keduabelas, misalnya gastrik, kekobaran urat saraf, pening kepala, sakit gigi, sakit kepala serta panas badan, batuk dan lain-lain.¹³ Xu Guangping berpendapat, keadaan ini terjadi kerana Lu Xun “tidak pernah sehari tidak berada dalam kerisauan.”¹⁴ Hal ini jelas menunjukkan betapa seriusnya kerisauan Lu Xun. Dengan kerisauan sedalam ini, maka tidak dapat dinafikan, Lu Xun sekurang-kurangnya telah gagal mencapai hasratnya yang ingin “kembali ke zaman kuno” untuk “mengebaskan jiwanya sendiri”¹⁵ dengan tujuan mengurangkan kesedihannya yang keterlaluan yang terdapat pada hatinya. Daripada analisis, sebab utama kegagalannya ialah beliau masih mengambil perhatian dan berminat terhadap perkembangan masyarakat pada masa itu, ini dapat dilihat dalam karya-karyanya.

Satu misalan yang nyata ialah karyanya *Fengbo* (风 波 Riak Angin).¹⁶ Dalam karya tersebut, beliau telah menulis satu kisah berkenaan dengan peristiwa Pengembalian Dinasti Qing pada tahun 1917. Lu Xun cuba membayangkan reaksi orang kampung, dan proses ketawaran reaksi mereka terhadap berita ini. Beliau menceritakan kejahilan dan kekakuan orang kampung, serta sikap mereka yang gembira atas kemalangan orang lain, dan juga sikap pasif mereka terhadap politik. Jelasnya, pemerhatian yang teliti dan mendalam sedemikian bukanlah dapat dilakukan oleh seseorang yang tidak mengambil

¹³ *Ibid.*: hlm. 38-39.

¹⁴ *Ibid.*: hlm. 39.

¹⁵ *LXQJ*, Jilid 1, hlm. 418.

¹⁶ *LXQJ*, Jilid 1, hlm. 467-486.

tahu langsung terhadap hal-hwal semasa. Ini juga menunjukkan fungsi positif yang terhasil daripada rasa berjarak yang tersebut di atas. Seperkara yang boleh dipastikan ialah rentetan kejadian ketidakteraturan yang berlaku pada awal zaman Republik telah mendatangkan impak besar kepada fikiran Lu Xun, dan rasa berjarak ini telah mendalamkan pemahamannya terhadap pemerhatian sifat Bangsa Cina beliau yang sedia ada, ini khasnya tercermin pada tema cerpen-cerpennya. Akibat daripada renungan dan refleksi yang sedalam-dalamnya terhadap realiti pada tempoh pengasingan ini, Lu Xun lebih tegas menganggap bahawa unsur tradisi lama adalah begitu berurat-berakar dalam struktur psikologi orang Cina. Pada tahun 1925, Lu Xun mengenang semula perasaannya pada awal zaman Republik dalam suratnya yang dikirim kepada Xu Guangping. Dalam surat itu, beliau berkata,

.....adalah benar keadaan awal zaman Republik lebih cerah, jika dibanding dengan masa kini. Pada masa itu, saya juga berada di Kementerian Pendidikan Nanjing, dan merasakan masa depan China adalah amat berharapan. Walaupun anasir-anasir jahat tetap timbul pada masa itu namun mereka sering mengalami kegagalan. Akan tetapi, keadaan masyarakat semakin buruk selepas kegagalan Revolusi Kedua pada tahun kedua zaman Republik. Keadaan bertambah teruk, dan akhirnya menjadi keadaan sekarang. Sebenarnya, keadaan yang buruk ini bukanlah keburukan yang baru, ia ibarat cat baru yang dicat terkelupas habis, dan muka lamanya menonjol semula. Bagaimana dapat diperbaiki jika sesuatu rumahtangga disuri oleh hamba? Revolusi pertama ialah anti-Manchuria, ini senang dijalankan. Pembaharuan kedua menghendaki rakyat membaharui sifat buruk sendiri, maka mereka tidak sudi. Oleh yang demikian, perkara yang terpenting selepas ini ialah memperbaharui sifat. Jika tidak, maka tidak kira sistem monarki, republik atau apajua papan nama yang ditukar, kandungannya adalah lama juga, dan segala (pembaharuan) tidak akan berkesan juga.¹⁷

¹⁷ LXQJ, Jilid 11, hlm.31.

Daripada nukilan di atas, apa yang kita pastikan ialah: Lu Xun telah semakin menekankan fungsi sifat bangsa sebagai unsur penguat China selepas pengajaran yang didapati daripada kegagalan Revolusi 1911. Beliau mengenalpasti bahawa “sebab” kegagalan revolusi ialah sifat bangsa Cina yang belum berubah itu. Seperti yang dikatakan olehnya pada tahun 1918 bahawa keburukan sifat bangsa Cina berpunca daripada “pemikiran yang gelap dan jahil.”¹⁸ Pandangan yang sedemikian merupakan satu kesinambungan bagi perhatian dan minatnya terhadap isu sifat bangsa Cina semasa di Jepun. Bagi Lu Xun, langkah terpenting yang harus dilakukan ialah “menyapu bersih pemikiran yang gelap dan jahil, serta perkara yang mendorong pertumbuhan kejahilan (tulisan-tulisan dan buku-buku aliran Konfusian dan Dao).”¹⁹ Jelasnya, Lu Xun telah menganggap Konfusian sebagai punca utama kelemahan negeri China selama ini. Kesemua ini sudah pasti telah menegaskan pendiriannya yang berpegang kepada pendekatan “transisi ideologi” sebagai cara penyelesaian krisis China. Ia secara langsung menyebabkan Lu Xun melibatkan diri dalam gerakan antitradisi yang radikal itu beberapa tahun kemudian.

Selain itu, Xu Guangping pernah menjalankan satu lagi statistik daripada diari Lu Xun. Ia berkenaan dengan jenis buku bacaan Lu Xun pada masa itu. “Jenis buku yang dibaca (oleh Lu Xun) pada tahun 1912-13 sangat luas, misalnya puisi, makalah, genealogi bergambar, catitan-catitan, buku berseri, surat-surat, buku sejarah, majalah-majalah, tulisan pada nisan, batu berukir tulisan dan lain-lain.”²⁰ Sejak tahun 1914, beliau mengalih kepada pembacaan pelbagai jenis buku agama Buddha, termasuk *Sanjiao*

¹⁸ *LXQJ*, Jilid 1, hlm.311-316.

¹⁹ *Ibid.*

²⁰ Xu Guangping: *Lu Xun Huiyi Lu*, hlm.42.

Pingxin Lun (三教平心论 Perbincangan Tiga Agama dengan Hati yang Adil), *Shijia Rulai Yinghua Shiji* (释迦如来应化事迹 Kesan Meditasi Buddha), *Huayan Jing Jueyi Lun* (华严经决疑论 Perbincangan Pertikaian tentang Kitab Huayan), *Dacheng Qixin Lun Liangyi* (大乘起信论梁译 Perbincangan Kepercayaan Mahayana Penterjemahan Liang) dan lain-lain lagi.²¹ Menjelang tahun 1915-1916, Lu Xun masih membaca kitab-kitab Buddha dan bertambah dengan penyelidikan terhadap patung buatan, patung gambar dan tulisan nisan tercelup. Malahan, beliau juga melibatkan diri dalam penyelidikan tulisan atas batu dan logam, tembikar dan gambaran dinding. Pada tahun 1917, beliau memberi perhatian seterusnya dalam menyalin tulisan nisan. Dalam tahun 1918-1920, beliau telah menjalankan pengkajian selanjutnya terhadap batu berukir tulisan, tulisan pada nisan, gambaran buatan, tulisan nisan tercelup dengan lebih mendalam lagi.²² Akan tetapi, memandangkan kandungan katalog buku bacaannya, keseluruhannya merupakan buku Cina dalam bentuk klasik, ini amat berbeza dengan pembacaan buku berjenis Barat semasa beliau belajar di Jepun.

Mungkin kita boleh percaya bahawa Lu Xun benar-benar ingin “kembali ke masa kuno” untuk “mengebaskan jiwanya sendiri” dengan tujuan mengurangkan kesedihannya. Tetapi sebagaimana yang pernah dihuraikan oleh Leo Oufan Lee, usaha Lu Xun dalam mengumpul, membanding, dan menyunting buku-buku lama merupakan satu aktiviti pembinaan semula yang halus. Di samping itu, kerja-kerja mengenalpasti, menokoh-

²¹*Ibid.*: hlm.42-43.

²²*Ibid.*: hlm. 44.

tambah, dan mentaksir prasasti yang kabur juga begitu.²³ Dalam tempoh masa ini juga, beliau baru mula menumpukan perhatiannya kepada Karangan Dinasti Wei dan Jin serta pengajian Buddha, ini juga mempunyai pengaruh positif terhadapnya. Bahkan kita boleh pasti bahawa kegiatan intelektual dan akademik ini telah menyimpan sumber-sumber yang kaya untuk aktiviti-aktiviti kreatif dan pemikirannya. Kesannya jelas dapat dilihat daripada peranan yang dimainkan oleh Lu Xun dalam Gerakan 4-Mei kemudian.

Kita boleh membuat sedikit analisis tentang perhubungan antara Lu Xun dengan ilmu Buddha. Menurut Xu Shoushang, Lu Xun pernah memberitahunya bahawa: “Buddha benar-benar seorang ahli falsafah yang agung. Sesungguhnya, sebahagian besar masalah berkenaan dengan kehidupan manusia yang sukar diselesaikan dan yang biasa saya temui telah jelas dipertunjukkannya. Beliau benar-benar seorang ahli falsafah yang agung.”²⁴ Lu Xun menemui pelbagai masalah falsafah daripada kitab Buddha yang sukar difaham ini telah menunjukkan bahawa hatinya wujud banyak kebingungan, dan beliau ingin mendapat kelegaan psikologi daripadanya. Beliau bukanlah semata-mata hanya ingin menghabiskan masa lapangnya sahaja.²⁵ Oleh yang demikian, dari sudut pandangan ini, bacaan yang dipilihnya pada masa ini semestinya telah mengikuti minatnya sendiri. Tidak dapat dinafikan, minatnya ini juga mempunyai unsur pengaruh Zhang Taiyan. Sebenarnya, pemikiran agama Buddha pernah popular pada lewat zaman Dinasti Qing,

²³ Leo Oufan Lee: *Voice from the Iron House: A Study of Lu Xun* (Bloomington: Indiana University of Wisconsin Press, 1979), hlm.27.

²⁴ Xu Shoushang : “Wangyou Yinxiang Ji,” hlm.38.

²⁵ Berkenaan dengan perhubungan antara Lu Xun dan agama Buddha, sila merujuk Huang Jichi (黄继持): “Lu Xun Yu Fojiao” (鲁迅与佛教 Lu Xun dan Agama Buddha) dalam *Wenxue De Chuantong Yu Xiandai* (文学的传统与现代 Tradisi Sastera dan Moden) (Hong Kong: Huahan Wenhua Shiye Gongsi, 1988), hlm.48-56.

dan ia dipegang oleh ramai intelektual Cina moden. Selain tujuan mempergunakan agama Buddha sebagai sumber minda untuk mengurangkan tekanan politik dan menenteramkan pemikiran, terdapat juga tujuan yang cuba menghubungkan pengajian Buddha dengan nilai keadilan dan hak kemanusiaan ataupun mempergunakan pengajian Buddha untuk menginterpretasikan budaya Barat dan Konfusian serta Mengzi.²⁶ Menurut Vera Schwarcz, Zhang Taiyan sendiri pernah mempergunakan pemikiran Buddha untuk mengkritik nilai Konfusian, dan ini telah menyebabkan pandangan ahli-ahli anti-Konfusian generasi kemudian lebih terbuka lagi.²⁷ Walaupun Lu Xun berpendapat bahawa Buddha telah lapuk seperti Konfusian, tetapi pada masa yang sama, beliau masih mengakui keunggulan sifat falsafah dan tahap kecerdikan Buddha, maka kita tidak boleh menafikan pengaruh Buddha terhadap Lu Xun.

Manakala Karangan Dinasti Wei dan Jin pula, sebagaimana yang telah dihuraikan, ia juga banyak meninggalkan kesan kepada pemikiran Lu Xun dan sikap antitradisinya selepas pemupukan Zhang Taiyan. Ini terbukti melalui sikap berhati-hati Lu Xun semasa membaca dan menyemak *Ji Kang Ji*. Sebenarnya, walaupun bahan bacaan beliau pada tempoh masa ini adalah bersifat klasik, tetapi ia memang bersesuaian dengan orientasi minatnya, iaitu karya-karya dalam lingkungan tradisi kecil yang menyimpang daripada aliran ortodoks Konfusian yang berdasarkan pemikiran Konfusius, Mengzi, Zhu Xi (朱熹 1130-1200) dan Wang Yangming (王阳明 1472-1529).

²⁶ Zhang Nianchi (章念驰): *Zhang Taiyan Shengping Yu Xueshu* (章太炎生平与学术 Kronologi dan Akademik Zhang Taiyan) (Beijing: Sanlian Shuju, 1988), hlm. 231.

²⁷ Vera Schwarcz: *The Chinese Enlightenment: Intellectual and the Legacy of the May Fourth Movement of 1919* (Berkeley: University of California Press, 1986), hlm.35-36.

Pendek kata, tempoh kesepian dan keseorangan Lu Xun di dalam Dewan Shaoxing ini telah membekalkan “sumber” untuk menyokongnya, agar beliau menjadi seorang ahli anti-Konfusian yang radikal. Justeru itu, Leo Oufan Lee mempunyai kesimpulan sedemikian: “Lu Xun’s immersion in Chinese tradition provided positive and vital resource for his subsequent ‘counter-statements’ –polemical essays in support of May Fourth iconoclastic antitraditionalism as well as his radically anti-conventional experiments in the language and form of creative writing.”²⁸

Selepas mengalami keseksaan daripada kehidupan keseorangan selama 5 tahun di Dewan Shaoxing (1912-1917), akhirnya Lu Xun menyiarkan cerpennya *Kuangren Riji* (狂人日记 Diari Orang Gila) pada tahun 1918. Kehebatan impak cerpen ini telah membuktikan kebenaran satu pepatah yang dikeluarkan oleh Hu Shi: “orang yang paling kuat dan berupaya di dunia ialah orang yang paling sunyi itu.”²⁹

4.2 Keserasian Anti-Konfusianisme Lu Xun dengan Gerakan 4-Mei

Hati Lu Xun sangat sepi dan penuh dengan perasaan kepiluan seperti suatu watak dalam karyanya, *Guduzhe* (孤独者 Penyendiri) yang bernama Wei Lianshan (魏连芑).³⁰ Dalam cerpen itu, terdapat suatu perenggan yang mengisahkan adat upacara pengebumian nenek Wei. Wei diminta oleh keluarganya supaya menjalankan adat itu secara tradisional. Wei tidak menyampaikan apa-apa bantahannya, sehingga sampainya

²⁸ Leo Oufan Lee: *Voice from the Iron House: A Study of Lu Xun*, hlm. 41.

²⁹ Hu Shi: “Yibusheng Zhuyi” (易卜生主义 Ibsenisme) dalam *Xin Qingnian* (新青年 Belia Baru), Jilid 4, No. 6.

³⁰ *LXQJ*, Jilid 2, hlm.86-109.

masa tamat upacara itu, ia masih duduk berseorangan di atas tikar, dan langsung tidak menitis setitik air mata pun. Apabila semua orang bersurai, ia tetap duduk dan termenung seorang di atas tikar, tetapi “tiba-tiba ia menitis air mata, kemudian menangis teresak-esak, seterusnya meneriak panjang seperti seekor serigala yang cedera sedang meraung di tanah lapang pada larut malam. Kesakitannya bercampuraduk dengan kemarahan dan kesedihan.”³¹ Jelasnya, kehidupan Lu Xun dalam tempoh selama 5 tahun semasa menyalin surat batu di Beijing adalah penuh dengan kesepian, dan beliau menahan rasa kerisauannya terhadap tradisi lama dan keadaan politik yang huru-hara itu. Dalam keadaan sedemikian, Lu Xun akhirnya berteriak seperti Wei Lianshan dengan melalui cerpen dalam bahasa Vernakularnya yang pertama iaitu *Kuangren Riji* serta koleksi cerpennya *Na Han* (呐喊 Teriakan). Rasa melankolik beliau yang lama ini sempat diluahkan kerana kebetulanya menemui kebangkitan Gerakan 4-Mei.

Sebagaimana yang disebut di atas, walaupun Lu Xun hidup dalam keadaan berasingan selepas tahun 1912, tetapi beliau masih memberi perhatian terhadap perkembangan politik dan hal-ehwal semasa negaranya. Pada masa yang sama, terdapat sekumpulan intelektual sedang melancarkan suatu gerakan “enlightenment” dengan senyap-senyap. Penerbitan *Xin Qingnian* (新青年 Majalah Belia Baru) pada tahun 1915 merupakan langkah pertama bagi gerakan ini. Penerbitan majalah ini melambangkan satu era baru yang akan tiba tidak lama lagi. Pada Ogos tahun 1917, kawan karib Lu Xun, Qian Xuantong yang juga merupakan salah satu ahli jawatan penerbitan bagi *Xin Qingnian* telah melawatnya. Qian memujuk Lu Xun supaya menulis karangan untuk majalahnya.

³¹ *Ibid.*, hlm.88.

Qian berkata bahawa tujuan majalah itu ialah untuk merealisasikan reformasi pemikiran dan etika rakyat China. Ini amat bersesuaian dengan kepercayaan Lu Xun terhadap masa depan China serta hasratnya yang ingin memperbaharui pemikiran orang Cina melalui sastera.

Dalam “Pendahuluan” *Nahan*, Lu Xun telah mencatatkan kandungan dialognya antara beliau dengan Qian:

“Apa gunanya awak menyalin ?” Pada suatu malam, beliau membaca salinan surat batu saya, dan mengemukakan pertanyaan.

“Tiada apa-apa penggunaan.”

“Maka, apakah maksud awak menyalin?”

“Tiada apa-apa maksud.”

“Saya ingat, awak boleh membuat sedikit karangan.....”

Saya faham maksudnya, mereka sedang menerbitkan *Xin Qingnian*, tetapi pada masa itu bukan sahaja tiada sesiapa menyokong, malahan juga tiada sesiapa yang membantah. Saya ingat, mungkin mereka berasa kesepian, tetapi saya menjawab,

“Andaikata terdapat sebuah rumah besi yang tiada sebarang tingkap dan sangat sukar dipecahkan. Di dalamnya terdapat ramai orang yang tidur dengan nyenyak, dan akan mati lemas tidak lama lagi, tetapi mereka adalah mati dalam tidur tanpa menyedari. Maka mereka tidak akan merasakan kesedihan terhadap kematian diri mereka. Sekarang awak berteriak, dan mengejutkan beberapa orang yang lebih menyedari, ini akan menyebabkan mereka yang bernasib malang itu merasakan kepahitan menjelang maut tanpa sebarang harapan untuk menyelamatkan diri, adakah awak tidak merasa berdosa terhadap mereka?”

“Tetapi beberapa orang sudah menyedar, maka awak tidak boleh menafikan terdapat harapan untuk menjahanamkan rumah besi ini.”

Yalah, meskipun saya mempunyai kepercayaan sendiri, tetapi berkenaan dengan harapan, saya tidak boleh menafikannya. Ini kerana harapan berada di masa depan, saya tidak boleh menafikan kemungkinan harapannya dengan bukti pesimistik saya. Maka saya menerima permintaannya untuk menulis karangan pada akhirnya.....³²

Kata-kata Qian Xuantong tidak semestinya dapat menghilangkan semua rasa pesimistik Lu Xun yang keterlaluan itu. Lu Xun masih kekal dengan “kepercayaan sendiri,” beliau tidak pernah berkata ia sudah melepaskan rasa pesimistiknya. Beliau menganggap tradisi

³² *LXQJ*, Jilid 1, hlm.37-38.

Cina sebagai penjara yang sekukuh rumah besi yang tidak dapat dipecahkan. Walau bagaimanapun, perasaan cintanya terhadap negaranya menyebabkan beliau sanggup berusaha untuk China dengan bermati-matian walaupun tidak tahu keadaan masa depan. (Dari sudut yang lain, pemikiran evolusi mungkin memberi keyakinan kepadanya untuk menaruh harapan terhadap masa depan yang kabur itu) Satu sebab penting ialah beliau mendapati bahawa masih terdapat sebilangan orang yang mempunyai pegangan yang sama dengannya, iaitu percaya kepada reformasi pemikiran dan kebudayaan. Ini telah mengharukannya. Lu Xun pernah menyebut dalam sepucuk surat bertarikh 31 Mac 1925 yang bertulis untuk Xu Guangping,

Saya tiada daya dan keberanian, saya benar tiada sebarang cara. Pada tangan saya, hanyalah mempunyai sebatang pencil. Tetapi saya masih sentiasa ingin menyerang kebudayaan lama yang berakar umbi itu demi menggoncangkannya. Semoga terdapat sedikit harapan pada masa akan datang. Dan memerhati dengan teliti, masih terdapat beberapa orang yang sanggup berjuang tanpa mengira menang atau kalah. Sungguhpun bukanlah semua pendapat mereka bersamaan dengan pendapat saya, tetapi tidak pernah saya lihat keadaan ini pada masa dulu.....³³

Kata “beberapa orang yang sanggup berjuang tanpa mengira menang atau kalah” adalah merujuk kepada rakan-rakan *Xin Qingnian*. Percakapan peribadi ini nampaknya juga menunjukkan *Xin Qingnian* sudah membangkitkan semangat perjuangan Lu Xun yang telah terpendam selama ini. Walaupun Lu Xun tidak yakin sepenuhnya terhadap pencapaian *Xin Qingnian* kerana masih “belum lupa kesedihan sepinya pada masa dulu,” tetapi beliau sememangnya telah menganggap majalah ini sebagai pusat menjalankan perjuangan misi pembaharuan pemikiran dan budaya Cina.

³³ LXQJ, Jilid 9, hlm.27.

Daripada konteks ini, kebangkitan Lu Xun memang berkait dengan sebab luaran. Jika tidak wujudnya *Xin Qingnian* dan Gerakan 4-Mei, adalah sukar untuk menjangka Lu Xun akan bangkit, sungguhpun Lu Xun sudah mempunyai bakat peribadiannya. Sebelum kebangkitan Gerakan 4-Mei, kehampaan terhadap kekeliruan arus pemikiran, ketidakteraturan norma, kecenderungan membaca klasik Konfusian serta ketakhtaan raja dan lain-lain kejadian yang berlaku selepas Revolusi 1911 telah mengakibatkan para intelektual berdiam diri sambil berfikir panjang. "Dalam keadaan gelap yang tenang dan menyeksakan hati orang inilah, Chen Duxiu terlebih dahulu mengutarakan slogan demokrasi dan sains."³⁴ Ini secara langsung telah memecahkan "kebuntuan" (deadlock) suasana pemikiran pada masa itu. Selepas itu, Gerakan Kebudayaan Baru 4-Mei dan anti-Konfusian telah lancar dijalankan. Slogan Chen ini sebenarnya telah menepati suara sanubari para intelektual. "Menghapuskan Kedai Keluarga Konfusius" ialah jawapan bersama mereka selepas berfikir dengan mendalam. Chen Duxiu pernah berkata pada masa tuanya, "Gerakan 4-Mei ialah satu kejadian yang pasti berlaku dalam perkembangan sosial China moden. Tidak kira ia membawa jasa atau dosa, sememangnya tidak boleh menyalahkan beberapa orang tertentu."³⁵ Ujar ini jelas menunjukkan hala kecenderungan sejarah pada masa itu.

Dengan kata lain, para intelektual pada masa itu lazimnya telah sedar bahawa reformasi kebudayaan dan pemikiran merupakan satu-satunya cara menyelesaikan krisis bangsa secara akar-umbi. Meskipun mereka mempunyai keperibadian tersendiri dan latar

³⁴ Li Zehou: *Zhongguo Xiandai Sixiangshi Lun*, hlm. 9.

³⁵ Dipetik daripada Ouyang Zhesheng (欧阳哲生): *Ziyoushuyizhe Zhi Lei--Hu Shi Sixiang De Xiandai Quanshi* (自由主义者之累--胡适思想的现代诠释 Kesengsaraan sebagai Liberalist -- Interpretasi Moden bagi Pemikiran Hu Shi) (Shanghai: Renmin Chubanshe, 1993), hlm. 52.

belakang keluarga masing-masing, tetapi pelbagai kejadian sejarah yang melampaui unsur individual telah menyebabkan mereka berada atas “lokasi generasi” (generational locations) yang serupa.³⁶ Unsur-unsur sejarah ini membuatkan perhubungan dan persamaan Lu Xun dengan para intelektual sezamannya. Bagi mereka, pengalaman gelap selepas Revolusi 1911 telah membuktikan bahawa segala kelakuan revolusi terdahulu adalah tidak berkesan. Justeru itu, mereka harus menyingkirkan Konfusian yang merupakan teras pemikiran orang Cina itu, dan menyambut kemasukan nilai Barat seperti “kebebasan, keadilan, dan berdikari” agar mencerahkan harapan China. Pada pendapat mereka, Konfusian merupakan punca kelemahan China, manakala “sains dan demokrasi” dari Barat adalah ubat penyelamat China. Maka, kedua-dua entiti budaya ini adalah saling bertentangan. Dengan demikian, pendapat yang ingin mengamalkan “Pembaratan Keseluruhan” dan mematahkan perhubungan dengan tradisi dan Konfusian telah menjadi suara teras Gerakan 4-Mei. Lu Xunlah salah seorang pejuang yang representatif dalam gerakan antitradisi ini.

Tegasnya, jika kita hendak memahami persepaduan antara intelektual baru ini, kita mestilah mengimbas kembali perkembangan *Xin Qingnian*. Pengasas majalah ini ialah Chen Duxiu. Majalah ini mula diterbitkan pada 15 September 1915 semasa Chen baru balik dari Jepun ke Shanghai. Sehingga Januari 1918, *Xin Qingnian* diubah kepada majalah persahabatan, dan satu jawatankuasa penerbitan dibentuk. Lu Xun juga menjadi salah satu ahli jawatankuasa ini. Dalam jilid pertama *Xin Qingnian* (Pada mulanya, *Xin Qingnian* dikenali sebagai *Qingnian* (Majalah Belia), tetapi telah bertukar kepada nama

³⁶Vera Schwarcz: *The Chinese Enlightenment: Intellectuals and the Legacy of the May Fourth Movement of 1919*, hlm.23.

Xin Qingnian (新青年 Belia Baru). Nama Perancisnya ialah *La Jeunesse*), Chen telah menyiarkan karangan terkenalnya "Jingao Qingnian" (敬告青年 Pemberitahuan kepada Belia).³⁷ Dalam esei ini, Chen telah mengutarakan banyak tema yang berpengaruh, malahan mendominasi aktiviti pembaharuan budaya selepas ini. Tema utama yang diunjurnya ialah semangat autonomi, maju, progresif, berhala dunia, pragmatik, dan sains supaya para belia bebas daripada belenggu pemikiran lama yang bersifat perhambaan, konservatif, mundur, pengepungan negara, kekosongan, dan imaginasi. Karangan Chen ini memang bertujuan untuk membidas pemikiran konservatif, dan menghapuskan tradisi yang tidak berguna yang dianggapnya. Ini jelas merupakan akibat daripada rangsangan keadaan politik awal zaman Republik. Dalam usaha menyerang autoriti tradisional, Chen telah menyampaikan motifnya dengan terus-terang. Pada hemat beliau, Gerakan Mentakhta dan lain-lain kumpulan konservatif telah menyalahgunakan unsur tradisi, khasnya mempergunakan teori Konfusian untuk merasionalkan motif mereka, maka adalah tidak mencukupi jika hanya mengkritik sikap dan konsep politik mereka. Oleh itu, tindakan menghapuskan akar terasnya ialah langkah yang paling penting sekali. Menurutny lagi, dengan melalui satu peringkat penghapusan, masyarakat China yang telah lemah selama ini barulah mempunyai satu pembinaan semula yang progresif. Pernah terdapat seorang pembaca bertanya Chen, mengapa tidak menggalakkan orang Cina mempraktikkan keluarga kecil Barat secara langsung, tetapi hanya menganjurkan penghapusan keluarga besar tradisional. Chen menjawab bahawa sistem keluarga besar didirikan dengan berdasarkan konsep dan etika Konfusian, maka jika Konfusianisme tidak ditumpaskan, konsep keluarga kecil tidak mungkin akan berakar

teguh. Ini adalah kerana menurut Konfusian, jikalau seorang anak meninggalkan ibubapanya dan mendirikan keluarga kecil sendirinya, ia merupakan anak yang tidak berbakti dan bermoral.³⁸ Dari sini, ternyatalah sasaran Chen ialah menuju kepada seluruh Konfusianisme. Sistem keluarga dan sistem monarki sebenarnya hanyalah salah satu misalan sahaja.

Seruan Chen yang seolah-olah satu perintah ini telah menjadi satu pedoman yang kuat kepada Gerakan 4-Mei. Seruan ini juga serasi dengan pendapat Lu Xun selama ini. Lu Xun melibatkan diri dengan progresif dalam Gerakan 4-Mei, dan mematuhi arah *Xin Qingnian*. Lu Xun pernah menggelarkan karya sendiri sebagai “sastera menurut perintah” ataupun “sastera revolusi.”³⁹ Beliau menyatakan: “rentak karya saya di atas *Xin Qingnian* agak selari dengan rakan-rakan saya. Oleh itu, saya berfikir, ini memang boleh dikira sebagai ‘sastera revolusi’ pada masa itu”. Beliau berkata juga, “kesemua (karya) ini boleh dikatakan sebagai ‘sastera menurut perintah’. Tapi, apa yang diikuti saya ialah telunjuk pelopor revolusi pada masa itu, ia juga perintah yang rela diikuti saya, dan bukanlah titah maharaja, dan juga bukanlah pisau penunjuk yang benar bagi bangsa Jin dan Mongolia.”⁴⁰ Dengan ini, penglibatan Lu Xun dalam gerakan pemikiran ini bukanlah secara kebetulan semata-mata, tetapi pemikiran Lu Xun memang mempunyai unsur persamaan dengan pendirian anti-Konfusian Gerakan 4-Mei.

³⁷ Chen Duxiu: “Jingao Qingnian” dalam *Xin Qingnian*, Jilid 1, No. 1.

³⁸ *Ibid.*.

³⁹ *LXQJ*, Jilid 4, hlm. 347-348.

⁴⁰ *Ibid.*.

Sebenarnya, gerakan ini yang bertujuan mengkritik tradisi dan menyedarkan belia-belia hanya dipelopori oleh beberapa orang penulis *Xin Qingnian* sahaja sebelum tahun 1917. Antara tahun 1915-1916, pusat kegiatan Chen Duxiu adalah di Shanghai, dan perhubungan antara pemimpin para intelektual tidak begitu jelas serta tiada sebarang bentuk persatuan.⁴¹ Akan tetapi, bermula pada awal tahun 1917, Gerakan 4-Mei sudah kian terbentuk.

Untuk mengetahui proses pembentukannya, kita harus mengimbas kembali peristiwa pembaharuan Universiti Beijing yang dilancarkan oleh Cai Yuanpei. Universiti Beijing merupakan tempat pengasal bagi Gerakan 4-Mei. Pada 26 Disember tahun 1916, Cai Yuanpei dilantik menjadi Canselor universiti ini. Di bawah perlindungan dan galakan Cai, pemimpin-pemimpin para intelektual moden berhimpun (menjadi pensyarah) di Universiti Beijing dan menjalankan gerakan "enlightenment" mereka secara perlahan-lahan. Di sini, kita perlu membaca semula sejarah perkembangan Universiti Beijing di bawah pentadbiran Cai supaya lebih memahami punca utama kebangkitan Gerakan 4-Mei. Di bawah langkah pembaharuan Cai dalam tempoh pentadbirannya selama 2 tahun itu, pihak Universiti telah menarik masuk ramai profesor belia, ini telah membawa suatu situasi akademik dan pemikiran yang bebas. Langkah ini adalah sangat penting bagi perkembangan Universiti. Cai berkata dalam ucapan perlantikannya bahawa, tujuan kemasukan para mahasiswa ke universiti ialah belajar dan bukanlah untuk kenaikan

⁴¹ Selanjutnya lihat Chow Tse-tsung: *The May Fourth Movement: Intelektual Revolution in Modern China*, hlm.42-48.

pangkat dan menjadi kaya.⁴² Kemudian beliau juga mengumunkan tiga polisi bagi pentadbiran universiti. Yang pertama, universiti merupakan satu badan penyelidikan akademik. “Penyelidikan” di sini bukan sahaja merujuk kepada pengenalan tamadun Barat, tetapi juga dikehendaki mencipta satu tamadun baru. Selain itu, ia juga bukan melindungi “intisari warisan budaya negara” (Guocui 国粹) sahaja, tetapi juga mendedahkan kenyataan “intisari warisan budaya negara” yang sebenar dengan pendekatan saintifik. Yang kedua, para mahasiswa tidak harus menjadikan universiti sebagai penggantian bagi sistem peperiksaan lama, dan mereka juga tidak harus mengabaikan pelbagai matapelajaran intelek selain daripada matapelajaran kebakatan mereka masing-masing. Yang ketiga, universiti harus melindungi kebebasan dalam pemikiran akademik. Pelbagai teori dan pemikiran jika bersesuaian dengan pendirian akademik yang ketat, maka ia harus diterima dan diberi hak penerbitan di dalam universiti. Menurut Cai lagi, tidak kira materialisme ataupun spiritualisme dalam sektor falsafah, idealisme ataupun realitisme dalam bidang sastera, teori bercampur tangan ataupun laissez-faire dalam bidang ekonomi, teori motif ataupun utilitarianisme pada bidang pengajian etika, dan optimisme ataupun pesimisme dalam kosmoisme sama-sama boleh “berdiri di dalam (universiti) dengan bebas.”⁴³ Dengan prinsip kebebasan dan progresif ini, Cai melaksanakan pelbagai pembaharuan yang konkrit. Pada keseluruhannya, pelbagai pembaharuan ini dijalankan dalam dua aspek. Aspek pertama ialah situasi membaca mahasiswa telah bertambah baik, dan pelbagai persatuan mahasiswa termasuk

⁴² Cai Yuanpei: “Jiuren Beijing Daxue Xiaozhang Zhi Yanshuoci” (就任北京大学校长之演说词 Ucapan semasa Menjabat Canselor Universiti Beijing) dalam *Cai Yuanpei Xuanji* (蔡元培选集 Koleksi Pilihan Cai Yuanpei) (Hong Kong: Xianggang Wenxue Yanjiushe, 1980), hlm.62.

membaca, mengucap, membicara, menerbit dan berkhidmat untuk masyarakat telah didirikan di dalam kampus. Dalam aspek lain, ramai profesor yang berbeza pandangan diundang pada masa yang sama, ini telah menjadikan kampus universiti sebagai medan perdebatan terbuka antara sarjana lama dengan sarjana baru. Yang penting sekali ialah, ia telah memberi satu peluang keemasan bagi persekutuan antara intelektual moden. Justeru itu, kita boleh menyimpulkan bahawa, jika tanpa Cai Yuanpei, Universiti Beijing tidak akan menjadi mesin penggerak bagi gerakan antitradisi dan pemikiran baru itu.

4.3 Pemikiran Anti-Konfusian Lu Xun dan Implikasinya

Gerakan Kebudayaan Baru 4-Mei boleh dikatakan sebagai titik transisi penting dalam sejarah moden negeri China. Gerakan ini melambangkan proses modenisasi negeri China telah melangkah ke tahap budaya dan pemikiran dari tahap institusi politik.⁴³ Kesedaran diri orang Cina juga mula melangkah ke satu peringkat baru. Dalam peringkat ini, peranan Lu Xun dalam Gerakan 4-Mei adalah sangat penting. Lu Xun dan gerakan ini adalah saling memerlukan antara satu sama lain. Kebangkitan Lu Xun kerana gerakan ini, dan ketajaman kritiknya pula meluaskan perkembangan pemikiran baru serta menggali kelemahan China dengan lebih mendalam lagi. Demi menjawab soalan mengenai erti anti-Konfusian Lu Xun, kita harus cuba memahami kandungan pemikiran anti-Konfusiannya.

⁴³ Cai Yuanpei: "Beijing Daxue Yuekan Fakanci" (北京大学月刊发刊词 Kata-kata Aluan bagi Majalah Bulanan Universiti Beijing) dalam *ibid.*, hlm. 121-123.

⁴⁴ Sila merujuk kepada nota kaki ke-51 dan 52 dalam bab ke-2.

Sikap dan kritikan Lu Xun terhadap kebudayaan tradisional Cina ialah untuk tujuan pembaharuan dan kekuatan negeri China. Beliau dalam karangannya yang bertajuk “Wo Weishenme Xieqi Xiaoshuo Lai” (我为甚么写起小说来? Mengapa saya mula menulis cerpen?) pernah berkata bahawa: “Berkenaan ‘mengapa’ saya menulis cerpen, saya masih memeluk kepada ‘ideologi “enlightenment”’ yang dipegang oleh saya lebih 10 tahun dahulu. (Saya) berpendapat (menulis cerpen) mesti ‘demi kehidupan,’ dan hendak memperbaiki kehidupan itu.”⁴⁵ Justeru itu, tulisannya tidak banyak dalam bentuk “collegial,” maka sudah tentu beliau tidak memberi perhatian dalam membina satu ideologi yang bersistematik. Tidak sama dengan Hu Shi, Zhou Zuoren dan lain-lain, malahan tidak sama dengan beliau sendiri semasa belajar di Jepun, Lu Xun tidak menyampaikan pendapatnya melalui tulisan bentuk tesis selepas Gerakan 4-Mei. Lu Xun tidak melibatkan diri dalam beberapa perdebatan mengenai isu budaya Cina-Barat dan antara sains dengan metafizik yang berpengaruh itu. Hal ini menunjukkan satu fenomena yang perlu diberi perhatian. Dalam perdebatan-perdebatan itu, istilah-istilah akademik yang digunakan adalah sangat besar, dan kesimpulannya juga diambil dengan terburu-buru. Oleh itu, sudah tentulah wujud keadaan penggunaan istilah dan konsep dengan tidak tepat. Hal ini memang berbeza dengan gaya tulisan Lu Xun. Cara penyampaian Lu Xun adalah tersendiri iaitu beliau menyampaikan ertinya dengan menerusi cara dan gaya sasteranya.⁴⁶ Sepertimana yang dikatakan oleh Chow Tse-tsung : “His approach was not via theoretical discussion, but by satiric, pungent, and humorous exposure. His excellent

⁴⁵ LXQJ, Jilid 4, hlm.393.

⁴⁶ Wang Youqin: *Lu Xun Yu Zhongguo Xiandai Wenhua Zhendong*, hlm.216.

style and wit, and occasional flashes of irony, won a great number of readers”.⁴⁷ Justeru itu, jika kita hendak memahami kandungan antitradisi Lu Xun, maka selain daripada meneliti biografi perseorangannya (untuk melihat kehidupan dan perbuatan Lu Xun), kita juga mesti memahaminya melalui karya-karya sasteranya (seperti prosa, cerpen dan makalah (zawen 杂文)). Karya Lu Xun selalu menonjolkan keperibadian dan keadaan psikologinya dengan ikhlas dan mendalam, terutama sekali dalam cerpen dan prosanya yang jelas terdapat unsur-unsur “biografi sendiri.” Sebagaimana yang dikisahkan oleh Lu Xun sendiri, “saya memang selalu mendedah sifat orang lain, tetapi mendedah diri saya dengan lebih kejam.”⁴⁸ Dalam tempoh akhir Lu Xun, beliau banyak menulis makalah untuk menyuarakan pendapatnya terhadap hal ehwal-semasa. Maka, makalah Lu Xun juga merupakan satu sumber penting untuk melihat pemikirannya. Justeru itu, meneliti kandungan anti-Konfusianisme Lu Xun menerusi karyanya adalah satu pendekatan yang sesuai.

Jelasnya, anti-Konfusianisme Lu Xun tidak menyebabkan beliau menjalankan penyelidikan akademik terhadap Konfusianisme dan seterusnya melahirkan satu sistem ideologi anti-Konfusian. Beliau hampir tidak memberi perhatian dalam membuat definisi terhadap konsep “Konfusian,” dan menganalisis tentang logik dalaman Konfusianisme serta kesan perkembangannya dengan pendekatan akademik. Tetapi kesedaran dan perasaan anti-Konfusianismenya begitu benar dan radikal. Kesimpulannya terhadap Konfusian adalah berbentuk makro-analisis. Pemerhatian beliau terhadap kelemahan pemikiran dan budaya (Konfusianisme sebagai terasnya) yang tercermin atas pelbagai

⁴⁷ Chow Tse-tsung: *The May Fourth Movement: Intelektual Revolution in Modern China*, hlm.308.

⁴⁸ LXQJ, Jilid 1, hlm.284.

aspek masyarakat Cina ini adalah menerusi pemerhatian, pemahaman dan pengalamannya yang istimewa itu.

4.3.1 Antitradisi dan Anti-Konfusianisme secara Total

Pada dasarnya, anti-tradisionalisme Lu Xun sangat mendalam, malahan kedalaman kritikan beliau terhadap seluruh tradisi telah membezakan beliau dengan rakan seperjuangannya. Sikap radikal ini sudah pernah dianalisis oleh ramai sarjana. Umpamanya Chow Tse-tsung berkata, "his (Lu Xun) attack on Confucian ethic extended to the whole of traditional society and life, and to the Chinese character."⁴⁹ Jelasnya, ini adalah tidak sama dengan aliran utama Gerakan 4-Mei secara kualitinya. Perbezaan antara Lu Xun dengan segenerasinya ialah beliau bukan sahaja berputus asa terhadap tradisi, malahan beliau juga menganggap seluruh kehidupan manusia sebagai kenihilan (nihility). Lu Xun pernah mendedahkan diri bahawa "karya saya terlalu gelap, kerana saya merasa hanya 'gelap' dan 'nihil' adalah 'realiti'"⁵⁰ Beliau suka memetik kata Petofi Sandoi (1823-1849), seorang pujangga Hungary yang berbunyi, "despair, like hope is (also) but vanity."⁵¹ Bagi Lu Xun, putus harapan dan harapan adalah sama sahaja dan kedua-dua pun tidak boleh dipercayai. Maka apakah lagi yang boleh dipercayai di dunia ini ? Sikap nihil ini amat tidak selari dengan sikap optimistik yang diusulkan oleh Gerakan 4-Mei. Pesimistik Lu Xun ini amat berkaitan dengan latar belakang dan situasi

⁴⁹ Chow Tse-tsung: *The May Fourth Movement: Intelektual Revolution in Modern China*, hlm. 308.

⁵⁰ *LXQJ*, Jilid 11, hlm. 79.

eksistensialnya. Kematian bapa, kepahitan akibat keruntuhan keluarga dan lain-lain ketidakbahagiaan pada masa remajanya mungkin mengakibatkan Lu Xun menganggap kesemua pengalaman lampaunya adalah sebahagian daripada kehidupan tradisional, ini membawa satu "makian" (curse) terhadap seluruh tradisi Cina dalam hatinya.⁵² Maka dengan inilah, hatinya terpendam perasaan gelap terhadap tradisi, dan seterusnya berasa nihil terhadap seluruh kehidupannya. Cerpen dan prosanya yang selalu terserlah perasaan nihil dan gelap ialah satu bukti yang jelas.⁵³

Manakala konsep Lu Xun yang serasi dengan generasi era 4-Mei ialah, beliau menganggap tradisi berbentuk "holistik" (holistic), dan tidak kira tradisi besar atau kecil harus ditumpaskan demi membangunkan negeri China. Ini adalah satu sikap "totalistik" (totalistic).⁵⁴ Dari sudut ini, mereka tidak membezakan "Konfusianisme" secara teori atau praktikal. Sebenarnya semangat Konfusianisme mungkin tidak sama dengan pelbagai adat dan peraturan sosial pada Dinasti Ming dan Qing, malahan dasar semangat Konfusius juga mungkin tidak menyerupai gaya dogmatik pemikiran Neo-Konfusianisme Song dan Ming. Tetapi dengan sudut secara total, mereka begitu tegas ingin membersihkan kesan Konfusianisme secara keseluruhannya dengan tidak membezakan sebab dan kesannya,

⁵¹ Lu Xun memetik pepatah puisi ini sebanyak dua kali dalam "Xiwang" (希望 Harapan), *Yecao* (野草 Rumpun Liar). Lihat *LXQJ*, Jilid 2, hlm.177-179. Beliau juga memetik dalam "Zixuanji Zixu" (自选集自序 Kata Pendahuluan Sendiri bagi Koleksi Pilihan Diri) dalam *LXQJ*, Jilid 4., hlm.455.

⁵² Leo Oufan Lee: "Lu Xun De Chengnian 1898-1917" (鲁迅的成年 Masa Dewasa Lu Xun 1898-1917) dalam *Ming Pao Monthly* (明报月刊 Bulanan Mingbao), Januari, 1971, hlm.53-55.

⁵³ Lihat Wang Runhua (王润华): "Wusi Xiaoshuo Renwu De Kuang Yu Si He Fanchuantong Zhuti" (五四小说人物的狂与死和反传统主题 Kegilaan dan Kematian bagi Watak Cerpen Era 4-Mei dan Tema Antitradisi) dalam *Lu Xun Xiaoshuo Xinlun* (鲁迅小说新论 Perbincangan Baru tentang Cerpen Lu Xun), (Taipei: Dongda Tushu Gongsi, 1992), hlm.27-50. Juga lihat Leo Oufan Lee: *Voice from the Iron House: A Study of Lu Xun*, hlm.94-129.

⁵⁴ Lin Yu-sheng: *The Crisis of Chinese Consciousness: Radical Antitraditionalism in the May Fourth Era*, hlm.29.

dan juga tidak kira akan berjaya atau gagal. Dalam keadaan demikian, sudah pasti mereka hendak menumpaskan “kedai keluarga Konfusius” dengan tidak cuba membahagikan antara “kedai” (*dian* 店) dan “keluarga Konfusius” (*Kongjia* 孔家) serta antara “Konfusius” (孔子) dan “keluarga Konfusius” (*Kongjia dian* 孔家店).⁵⁵

Pada Mei tahun 1918, Lu Xun menyiarkan cerpennya *Kuangren Riji* dalam majalah *Xin Qingnian*. Cerpen ini merupakan cerpen bahasa Vernakular yang pertama bagi Lu Xun, dan juga tamparan pertama beliau terhadap Konfusianisme dan seluruh kehidupan tradisional. Selaras dengan sikap antitradisi secara totalnya, tamparan Lu Xun menerusi *Kuangren Riji* ini bukan sahaja dituju kepada aspek tertentu sahaja, tetapi juga seluruh sejarah negeri China.

Apa hal pun mesti dikaji, barulah dapat tahu. Sejak dahulu sudah sentiasa memakan orang. Saya masih ingat, tetapi tidak berapa jelas. Saya membuka buku sejarah dan memeriksanya, sejarah ini tiada catatan tahun, di atas setiap mukasurat tertulis beberapa perkataan iaitu “kemanusiaan, keadilan dan moral” dengan tulisan yang condong. Saya tidak dapat tidur, lalu memerhatikannya sampai larut malam, barulah ternampak perkataan daripada ruangan kata-kata itu, rupa-rupanya seluruh buku itu tercatat dua perkataan sahaja, iaitu: “makan orang!”⁵⁶

Daripada nukilan di atas, jelasnya Lu Xun menganggap seluruh sejarah negeri China sebagai catatan mengenai “orang makan orang.” Tema cerpen ini menceritakan seorang gila yang menyedari sementara telah mendapati keluarga dan orang sekampungnya merancang untuk memakan orang. Dalam cerpen ini, Lu Xun memerli dengan tajam dan bertanya: Selain daripada orang gila, siapakah lagi dapat memahami erti yang tertulis di

⁵⁵ Leo Oufan Lee: “Lu Xu De Zhongnian 1918-1928” (鲁迅的中年 Masa Pertengahan Lu Xun) dalam *Ming Pao Monthly* (明报月刊 *Bulanan Mingbao*), March, 1971, hlm. 56.

⁵⁶ *LXQJ*, Jilid 1, hlm.424-425.

atas buku klasik Konfusian? Siapa yang berani membongkarkan kebenaran yang menakutkan itu, di mana perkataan Kemanusiaan, Keadilan dan Moral terkandung sifat “makan orang.” Dengan kata lain, orang yang berada dalam masyarakat Cina yang mendapati dan berani membongkarkan kelemahan budaya tradisional akan dilihat sebagai “orang gila,” manakala orang yang “makan orang” barulah orang “biasa.” Ini telah memberi tamparan yang hebat kepada tradisi Cina. Yu Ying-shih berkata, secara objektifnya, *Kuangren Riji* telah menentukan rentak slogan “ajaran adat makan orang” yang begitu popular semasa era 4-Mei.⁵⁷

Kesan *Kuangren Riji* yang begitu mendalam menunjukkan betapa berjayanya pengaruh gaya sasteranya. Wu Yu pernah menulis “Chiren Yu Lijiao” (吃人与礼教 Makan Orang dan Adat) untuk menyokongnya selepas membaca *Kuangren Riji*. Wu berpendapat: “Saya berasa diarilya dapat melihat kandungan makan orang dan permukaan luar Kemanusiaan, Keadilan dan Moral dengan sangat jelas. Teknik makan orang dengan memakai topeng “ajaran adat” yang jahat telah didedahkan olehnya.”⁵⁸ Tulisan ini juga mengemukakan berpuluh-puluh catatan makan orang dalam sejarah negeri China untuk membuktikan sememangnya terdapat perkara “makan orang” dalam sejarah negeri China. Kemudian, Wu bertambah lagi, “sehingga kini, kita harus sedar bahawa kita bukan hidup untuk raja, dan juga bukan hidup untuk aturan etika dan adat. Apa yang digelar sebagai “Datuk Kesucian” (*Wenjie Gong* 文节公) dan “Datuk Ketaatan” (*Zhonglie Gong* 忠烈公) ialah perangkap yang dirancang oleh orang yang

⁵⁷ Ying-shih Yu: “Zhongguo Jinbainian Jiazhiguan De Bianqian,” hlm.63.

⁵⁸ Wu Yu: “Chiren Yu Lijiao” (吃人与礼教 Makan Orang dan Adat) dalam *Xin Qingnian* (新青年 Majalah Belia Baru), Jilid 6, No. 6.

makan orang untuk menipu kita. Kini kita sudah faham, orang yang makan orang ialah orang yang bercakap tentang adat, dan orang yang bercakap tentang adat ialah orang yang makan orang.” Selain daripada itu, slogan “adat yang makan orang” juga diterima oleh Persatuan Arus Baru (Xinchao She 新潮社, nama Inggerisnya ialah “Renaissance”) yang didirikan oleh sekumpulan mahasiswa Universiti Beijing pada penghujung tahun 1918. Persatuan Arus Baru menerbitkan *Xin Chao* (新潮 Majalah Arus Baru) pada awal tahun 1919, dan telah menjadi pengikut Majalah *Xin Qingnian*. Mereka memaparkan siri karangan yang berkenaan soalan keperibadian perempuan dan mengkritik etika taat dan berbakti serta norma etika dan adat yang makan orang. Lantaran itu, slogan “ajaran adat yang makan orang” telah menjadi satu kebenaran bagi pembaharu-pembaharu. Tetapi sebagaimana yang disebutkan oleh Zhao Yiheng (赵毅衡), “ajaran adat yang makan orang” yang dikatakan oleh Lu Xun sebenarnya hanya satu metafora sastera, tetapi Wu Yu pula telah mengarahkannya ke hala sifat kisah, ini jelas menunjukkan kedangkalan pemikiran Era 4-Mei.⁵⁹

Jelasnya, kesusasteraan merupakan pengantara aktiviti budaya Lu Xun. Daya sasteralah yang mendalamkan kemajuan gerakan budaya baru. Seperti yang diketahui, generasi era 4-Mei pernah sedikit sebanyak mengalami masa kanak-kanak di bawah proses sosialisasi tradisional bersifat Konfusianisme. Walaupun arus pemikiran Gerakan 4-Mei tidak membenarkan kenangan-kenangan terhadap masa lampau, mereka juga mengasingkan diri dengan tradisi secara sedar, tetapi kenangan “di bawah kesedaran”

⁵⁹ Zhao Yiheng (赵毅衡): “Xianfeng Wenxue -- Wenhua Zhuanxingqi De Chunwenxue” (先锋文学 -- 文化转型期的纯文学 Sastera Perintis -- Sastera Tulen Tempoh Transisi Kebudayaan) dalam *Biyao De Gudu* (必要的孤独 Kesepian yang Diperlukan) (Hong Kong: Tiandi Tushi Gongsi, 1995), hlm. 345.

memang sukar dielakkan.⁶⁰ Cerpen Lu Xunlah kebetulan memuaskan keperluan “di bawah kesedaran” ini, kerana kebanyakan tema karya Lu Xun ialah menceritakan kegelapan tradisi dengan menjadikan kenangan masa kanak-kanak dan kampungnya sebagai data pengisahannya. Sebagaimana yang dikatakan oleh C.T.Hsia, punca inspirasi kreativiti Lu Xun kebanyakan berasal dari kampung halamannya.⁶¹ Sebenarnya, ramai pemuda generasi 4-Mei menghabiskan masa lapang dengan mengenang dunia tradisional pada masa kanak-kanak mereka.

Percakapan anti-Konfusianisme menyeluruh Lu Xun juga banyak terungkap dalam makalah-makalahnya. Penulisan makalah-makalah pendek beliau yang penuh dengan kata-kata bengis telah menjadi alat tajam bagi kerja-kerja kritiknya, seperti “keris” (*bishou* 匕首) yang digelarnya. Huang Sung-kang pernah menulis dalam *Lu Hsun and the New Culture Movement of Modern China* bahawa, “.....his (Lu Xun) greatest contribution to the rebirth of China was not his short stories, but his diverse essay (*zawen*), which were direct reflections on current political, cultural and social topics and were used as ‘close-combat weapon’ in ideological struggle.”⁶² Makalah-makalah Lu Xun memang memainkan peranan penting dalam kerjaya kritikan budayanya kerana gaya bengis dan terus-terang yang ditunjukkannya. Dalam salah sebuah makalah yang ditulisnya, Lu Xun mengkritik terus-terang, “apa yang dikatakan sebagai tamadun Cina, sebenarnya hanya sebagai kenduri daging manusia yang diaturkan untuk nikmat orang

⁶⁰ Leo Oufan Lee: “Lu Xu De Zhongnian 1918-1928,” hlm. 56.

⁶¹ C.T. Hsia: *A History of Modern Chinese Fiction* (New Haven: Yale University Press, 1971), hlm.31.

⁶² lihat Sung-kang Huang: *Lu Hsun and the New Culture Movement of Modern China* (Amsterdam: Djambatan Press, 1967), hlm.78.

besar.....Menyapu bersih orang yang makan manusia ini, menyingkap meja kenduri ini serta merosakkan dapur ini ialah misi belia kini.”⁶³ Lu Xun berpendapat, perjuangan menentang masyarakat lama serta kuasa lama mestilah tegas dan berkekalan lama. Sememangnya, akar masyarakat lama sangat kukuh, maka gerakan budaya baru mesti menggunakan tenaga sekuat-kuatnya baru dapat menggoncangkannya. Dengan pertimbangan demikian, Lu Xun menegaskan bahawa “(Jika) tiada pahlawan yang menjahanamkan segala pemikiran dan cara tradisional, sastera baru tidak akan muncul di negeri China.”⁶⁴ Sebenarnya Lu Xunlah “pahlawan” yang dikatakannya.

4.3.2 Ajaran Adat dan “Makan Orang”

Walaupun anti-Konfusianisme Lu Xun adalah secara “holistik,” tetapi jika diteliti dengan lebih mendalam, aspek “ajaran adat ” dan “etika” adalah lebih ditumpu oleh Lu Xun. Hsia Tsi-an pernah berkata, Lu Xun “certainly abhorred--the old China with her ‘putrid morals and death-stiff language’.”⁶⁵ Bagi Lu Xun dan rakannya, ajaran adat dan etika adalah sasaran antitradisi mereka akibat inspirasi daripada individualisme Barat. Mereka berpendapat, kekayaan dan kekuatan negara adalah bergantung kepada kesedaran individual. Akan tetapi, norma etika dan “ajaran adat” telah bertentangan dengan individualisme dan menghalang proses demokrasi China. Bagi mereka, “ajaran adat” ini adalah hasil daripada pengaplikasian nilai-nilai Konfusian. Siri peristiwa penyalahgunaan

⁶³ *LXQJ*, Jilid 1, hlm. 315-316.

⁶⁴ *Ibid.*: hlm.332.

⁶⁵ Hsia Tsi-an: “Aspects of the Power of Darkness in Lu Hsun” dalam *The Gates of Darkness: Studies on the Leftist Literary Movement in China* (Seattle: University of Washington Press, 1968), hlm.153.

Konfusian pada zaman awal Republik merupakan bukti konkrit yang mengukuhkan anggapan mereka ini, iaitu aliran Konfusian yang berorientasikan etika bersepadu dengan sistem monarki. Maka, pertentangan terhadap “ajaran adat” harus bermula daripada tapaknya -- Konfusian. Lu Xun pernah berkata:

Konfusius di negeri China dinaikkan pangkat oleh penguasa, dan beliau adalah aulia bagi penguasa-penguasa ataupun aulia yang ingin menjadi penguasa, maka beliau tiada apa kaitan dengan rakyat jelata.....Konfusius pernah merancang satu cara pentadbiran negara yang istimewa, tetapi ia adalah untuk orang yang memerintah rakyat. Cara itu adalah dicipta untuk penguasa, tetapi yang untuk rakyat sendiri langsung tidak ada. Inilah konsep “adat tidak dilaksanakan ke atas orang bawahan” (*li buxia shuren* 礼不下庶人). Aulia yang menjadi penguasa akhirnya berubah menjadi “batu loncatan.”⁶⁶

Beliau menganggap perhubungan antara Konfusian dengan sistem monarki adalah satu jenis perhubungan antara luaran dengan dalaman yang saling berkaitan.

Justeru itu, pada hemat Lu Xun, hanya dengan menghapuskan pelbagai konsep etika Konfusianisme yang sedia ada itu, barulah dapat memperluaskan penglibatan rakyat dalam sektor politik awam. Lu Xun memberi perhatian kepada gejala “ajaran adat” serta despotik, dan mengkritikannya. Misalnya, beliau mengimbas kembali sejarah China dalam karyanya “Dengxia Mantan” (灯下漫谈 Bercakap di Bawah Lampu) dan mengikhtisarkan perkembangan sejarah China kepada “silang-bersilang antara dua zaman,” iaitu:

pertama, zaman hendak menjadi hamba tetapi tidak jadi.
kedua, zaman menjadi hamba sementara dengan kukuh.⁶⁷

⁶⁶ LXQJ, Jilid 6, hlm. 252-254.

⁶⁷ LXQJ, Jilid 1, hlm.212.

Oleh yang demikian, kesimpulannya ialah “menyapu bersih orang yang makan orang dan menjahanamkan dapur ini adalah misi belia masa kini. Mencipta zaman ketiga yang belum pernah terdapat dalam sejarah Cina adalah misi belia masa kini.” Dan apakah “zaman ketiga” yang dimaksudnya ? Jelasnya, Lu Xun ingin wujudkan zaman tidak menjadi hamba, yakni orang Cina memperoleh “harga diri sebagai manusia.”

Sehingga tersurutnya arus Gerakan 4-Mei pada tahun 1925, Lu Xun masih begitu tegas mengatakan bahawa “menghormat Konfusius, menyembah Konfusian, mengikhtisaskan klasik dan mengembalikan yang terlampau sudah wujud sangat lama. Maharaja dan pembesar-pembesar biasanya mesti mengambil salah satu daripadanya, atau ‘mentadbir rakyat dengan berbakti’ (*yi xiao zhi tianxia* 以孝治天下), ataupun ‘mentadbir rakyat dengan ketaatan’ (*yi zhong zhi tianxia* 以忠治天下), dan juga ‘menggalakkan rakyat dengan kesucian’ (*yi zhenjie li tianxia* 以贞节励天下).⁶⁸ Daripada petikan ini, Lu Xun menganggap “tiga kerangka” menyumbang kepada kekukuhan sistem monarki dan membentuk belenggu kepada kebebasan rakyat. “Berbakti,” “taat” dan “suci” merupakan nilai-nilai yang ditekankan dalam “tiga kerangka” Konfusian. Kandungan “tiga kerangka” ialah “raja merupakan kerangka pegawai, bapa merupakan kerangka anak dan suami merupakan kerangka isteri,” ini bermakna bahawa setiap watak masyarakat mempunyai posisinya dalam aturan etika masyarakat China dan mempunyai objek yang didominasi atau “dimakan” olehnya.⁶⁹ Justeru itu, “tiga kerangka” telah terbentuk satu salingan yang membolehkan setiap watak

⁶⁸ LXQJ, Jilid 1, hlm. 12.

⁶⁹ Lihat Liu Zaifu dan Lin Gang: *Chuantong Yu Zhongguoren*, hlm. 90-95.

masyarakat mempunyai peluang “makan orang.” Oleh itu, “tiga kerangka” turut dikritik oleh Lu Xun. Bagi Lu Xun, ajaran Konfusian “penuh keinginan untuk mengajukan etika yang berpura-pura, dan memandangkannya perasaan manusia yang benar,”⁷⁰ dan nilai etika seperti “bakti,” “taat” dan “tegak” (*lie* 烈) adalah “cara untuk mengenakan orang yang lemah dan kecil.”

Selain menunjukkan kritiknya terhadap “kuasa raja” yang terkandung dalam “raja merupakan kerangka pegawai,” beliau turut mengkritik “kuasa bapa” yang terdapat dalam konsep “bapa merupakan kerangka anak.” Dalam karyanya “Women Xianzai Zou Fuqin” (我们现在怎样做父亲 Kini Bagaimana Kita Menjadi sebagai Bapa) yang disiarkan dalam *Xin Qingnian*,⁷¹ beliau berkata bahawa “kuasa saudara-mara negeri China adalah besar, tetapi kuasa bapa lebih besar lagi.” Orang yang mengajukan kuasa bapa kerana “mereka ingat bapa mempunyai kuasa dan pengaruh mutlak terhadap anaknya.” Kesalahan bagi etika Konfusian antara perhubungan bapa-anak adalah di atas “pemikiran yang mementingkan yang besar dan diri, dan juga pemikiran kuasa terlalu berat, tetapi pemikiran tanggungjawab serta rasa tanggungjawab adalah ringan sekali. Mereka menganggap perhubungan bapa-anak hanyalah dengan satu realiti bahawa ‘bapa yang melahirkan anak’ sudah menentukan yang kecil adalah dipunyai oleh yang besar.”

Berkenaan dengan aktiviti menggalakkan “kesucian” yang dianjurkan oleh pihak konservatif, Lu Xun menulis satu karangan bertajuk “Wode Zhenjie Guan” (我的贞节

⁷⁰ LXQJ, Jilid 1, hlm.138.

⁷¹ Ibid.: hlm.129-143.

观 Pandangan Kesucian Saya) pada Julai 1917.⁷² Beliau mengkritik dengan tegas tentang tradisi “suami merupakan kerangka isteri.” Menurutny, doktrin “tiga kerangka” Konfusianisme menganjurkan “raja ingin pembesar menaatinya, dan lelaki pula ingin perempuan mengekalkan anak-daranya,” ini menyebabkan etika yang kehendaki kaum perempuan mengekalkan dara secara berat sebelah, khasnya selepas Neo-Konfusian Song mengutarakan “mati kebuluran merupakan perkara kecil, manakala hilang dara adalah perkara besar,” ramai wanita Cina telah terkorban dengan tidak berertinya atas nama “kesucian.”

Pada bulan Jun tahun 1918, *Xin Qingnian* (Jilid 4, No.6) menerbitkan satu terbitan khas berkenaan dengan Henrik Ibsen (1828-1906). Ini merupakan kali pertama seorang sasterawan Barat mendapat layanan istimewa sebegini. *Xin Qingnian* memilih Ibsen sebagai watak majalah sebenarnya mempunyai ertinya yang tertentu. Pada masa itu, Ibsen dan karyanya telah menjadi senjata pemikiran bagi kebanyakan ahli Gerakan 4-Mei untuk menghapuskan “ajaran adat” dan perjuangan kebebasan wanita serta kebebasan manusia. Antara karya-karyanya, *Nora* menjadi tumpuan kepada para belia dan persatuan drama profesional. Watak utama drama itu, Nora juga menjadi satu arca belia dalam isu keluar dari keluarga, kebebasan perkahwinan, dan keperibadian.

Berikutan dengan kehangatan drama *Nora*, Lu Xun juga menulis satu karangan tentang *Nora* untuk menganalisis jalan keluar wanita Cina.⁷³ Beliau berkata, “Nora sudah sedar, maka tidak mudah baginya kembali ke mimpi, ia hanya boleh keluar. Tetapi selepas keluar, kadang-kala ia juga tidak dapat mengelakkan diri daripada terjatuh atau

⁷² *Ibid.*: hlm.116-128.

⁷³ *Ibid.*: hlm.160-161.

kembali. Kalau tidak, ia mesti bertanya bahawa, selain hatinya sudah sedar, apa yang dibawa keluarnya?" Ini kerana Lu Xun jelas mendapati bahawa "meminta kuasa ekonomi memang satu perkara yang biasa sahaja, tetapi mungkin lebih susah daripada meminta kuasa melibatkan politik dan kebebasan wanita yang lebih tinggi tahapnya itu." Dengan mendapat kuasa ekonomi, maka perempuan tidak akan menjadi boneka lagi. Di sini, Lu Xun telah meningkatkan isu kebebasan perempuan ke paras reformasi sosio-ekonomi. Akan tetapi, perhatian Lu Xun sebenarnya bukan setakat perempuan keluar dari keluarga ataupun keupayaan ekonomi sahaja. Padanya, kaum perempuan Cina dapat keluar hanyalah dengan hati ghairah seketika, dan jika menguasai kuasa ekonomi juga hanya "mengurangkan perkara yang boleh dikuasai orang." Ini kerana perempuan tidak menjadi boneka orang bukan hanya melalui pencapaian kuasa ekonomi beberapa perempuan. Soalan yang lebih penting ialah "China terlalu sukar diubah, sebenarnya jika hendak mengubahsui dapur, juga hampir mesti mengalir darah." Dalam masyarakat yang begitu konservatif, mundur dan kaku ini, jika Nora keluar dari keluarga dan menuju ke masyarakat, masyarakat akhirnya tidak akan menerimanya. Akhirnya, Lu Xun berkata dengan pemikiran yang mendalam bahawa, andaikata perempuan seperti Nora tidak ingin mati lapar atau kembali ke rumah menjadi boneka, maka kuasa ekonomi paling penting sekali. Maksudnya, keadilan antara kaum perempuan dan lelaki harus bermula dari rumah terlebih dahulu, dan seterusnya barulah dapat mencapai keadilan yang lebih luas iaitu keadilan di peringkat masyarakat umum. Untuk mencapai kedua-dua tujuan ini, hanyalah melalui pembaharuan sistem dan struktur masyarakat. Dari sudut ini, sekali lagi

menunjukkan mode anti-Konfusianisme menyeluruh Lu Xun, iaitu tujuan kebebasan perempuan telah diperluaskan ke arah pembaharuan seluruh masyarakat.

Dalam perlancaran Gerakan 4-Mei, selain berhadapan dengan kuasa realiti tradisional, para intelektual baru juga menerima penentangan daripada golongan konservatif. Lu Xun amat menentang niat golongan ini untuk memulihkan intisari warisan budaya negara. "In his early essay (written between, roughly, 1918 and 1925), Lu Hsun concentrated his main attack on the notion of 'national essence,' which, in whatever form it was presented, had Confucianism as its basis," ujar Sung-kang Huang.⁷⁴ Terdapat sebilangan ahli konservatif budaya bersedia untuk memulihkan penerbitan *Jurnal Guocui* (国粹学报 Jurnal Intisari Warisan Budaya Negara) dan *Suntingan Guocui* (国粹汇编 Suntingan Intisari Warisan Budaya Negara) untuk bertentangan dengan *Xin Qingnian*, maka Lu Xun berkata kepada Qian Xuantong dalam sepucuk surat bahawa: "Walaupun intisari warisan budaya Cina bersamaan dengan kentut, tetapi sekumpulan orang jenis jahat hendak menerbit seri suntingan, hanya hendak makan orang, dan menadah mata-mata gelap yang pernah membeli daging manusia untuk menjadi ketua."⁷⁵ Surat ini yang dituliskan pada 15 Julai tahun 1918 sekali lagi menunjukkan ketegasan Lu Xun terhadap peninggalan budaya tradisional.

Beliau juga membongkarkan topeng kepalsuan kelakuan menghormati Konfusian dan membaca klasik Konfusian. Beliau berkata, "sambil menciptakan adat, menghormati Konfusian dan membaca klasik Konfusian, 'negara yang dikatakan mempunyai budaya selama 4 ribu tahun' memang sudah matang. Pada masa yang sama, (ia) juga

⁷⁴ Sung-kang Huang: *Lu Hsun and the New Culture Movement of Modern China*, hlm. 81.

⁷⁵ *LXQJ*, Jilid 1, hlm. 305-306.

membuangkan api untuk membunuh orang, memperkosa dan merompak dengan wajarnya, seperti membuat segala perkara yang tidak sudi dibuat oleh orang barbarian.....Seluruh China ialah satu kenduri yang sebegini.”⁷⁶ Beliau menekankan lagi, menghormati Konfusian serta membaca klasik Konfusian merupakan satu langkah yang mundur, “pengembalian ke kuno oleh pihak pendegil pada masa kini menarik keluar Konfusius dan ajaran adat, tetapi apa yang ditarik keluar adakah yang baik? Jika bukan yang baik, maka adalah satu reaksi terbalik dan mundur, masa akan datang mungkin akan menjadi zaman termundurlah. ”⁷⁷

Sesetengah sarjana berpendapat, dalam erti sejarah yang tertentu, slogan “ajaran adat makan orang” yang diutarakan oleh Lu Xun sudah sedikit-sebanyak menyelewengkan tujuan kritikan ideologi yang dibawa oleh Chen Duxiu. ⁷⁸ Menurut pendapat mereka, sebagai kesan secara objektif, metafora dan teriakan yang terpendam dalam laungan “adat memakan orang” adalah bersifat humanisme, ia sudah menukarkan tujuan “enlightenment” dan pembinaan nilai yang berorientasikan penyelesaian krisis politik negeri China ke arah lain, iaitu ke arah demi mencari kebahagiaan dan kesempurnaan kehidupan orang Cina. Kemungkinan termasuk Lu Xun sendiri pun tidak begitu sedar bahawa beliau telah mengubah sikap dan kandungan anti-Konfusianisme Gerakan 4-Mei. Inilah kedalaman kritikan Lu Xun.

⁷⁶ *LXQJ*, Jilid 3, hlm. 245-246.

⁷⁷ *LXQJ*, Jilid 7, hlm.456.

⁷⁸ Mao Dang: “Wenhua Bianqian Yu Jiazhi Chongjian Yundong,” hlm. 308.